

# 'Pelantikan Nazri dilulus Kabinet, dapat perkenan Seri Paduka'

Ismail Sabri akui kerajaan diterajui ikut proses lantik duta kalangan ahli politik

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengakui keputusan melantik Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat (AS) diluluskan Kabinetnya dan turut mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Katanya, ia adalah peraturan biasa dalam proses pelantikan duta daripada kalangan ahli po-

litik yang perlu mendapat persetujuan Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum diusulkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Dari segi peraturan, jika mem-babitkan orang politik, pelanti-kan (sebagai duta) di-putuskan oleh Kabi-net.

"Apabila Kabinet memberi kelulusan, baru kita bawa ke-pada Yang di-Pertuan Agong untuk diper-kenan. Selepas diper-kenan, barulah kita han-tar kepada (kerajaan) AS untuk disahkan pula.

"Nak tunggu kelu-lusan ini lama, ada pelbagai prosedur," kata Ismail Sabri kepada *BH* semalam, sam-bil mengakui kenyataan Tim-balan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kelmarin

bahawa pelantikan Nazri diusul-kan oleh kerajaan pimpinannya, bukan oleh parti.

"Memang pelantikan duta ti-dak ada kena-mengena dengan UMNO, itu (keputusan) kerajaan.

Betullah apa yang Zahid maklumkan itu," katanya yang juga Naib Presiden UM-NO.

Nazri, 68, bekas Ah-li Parlimen Padang Rengas yang pernah menjadi menteri Ka-binet antara 1999 hingga 2018, meneri-ma watakah pelanti-kan daripada Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mus-tafa Billah Shah di Istana Negara, pada Khamis lalu.

Namun pelantikan veteran UMNO itu mengundang kritikan, termasuk daripada Ahli Parli-men PKR Pasir Gudang, Hassan

Abdul Karim yang menegaskan jawatan duta perlu dikhaskan ke-pada diplomat yang mahir dalam hal ehwal antarabangsa.

Susulan kritikan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibra-him memaklumkan pelantikan Nazri dibuat oleh kerajaan lalu dan sudah disahkan oleh AS, se-kali gus pentadbirannya terpak-sa meneruskannya kerana pem-batalan akan menimbulkan pel-bagai masalah lain.

Mengenai keputusan Kabinet pimpinannya melantik Nazri, Is-mail Sabri berkata, ia mengambil kira pengalaman luas bekas Ahli Parlimen Padang Rengas itu da-lam hubungan dasar luar.

"Kita hantar Nazri sebagai du-ta ke AS disebabkan pengalamannya yang begitu luas. Waktu dia EXCO Pemuda UMNO, dia penge-rusi biro antarabangsa dan mem-punyai hubungan luas dengan ne-

gara luar.

"Dia juga bekas Menteri di Ja-batan Perdana Menteri (Un-dang-Undang dan Parlimen), per-nah mengetuai Kementerian Pembangunan Usahawan, per-nah jadi Menteri Pelancongan dan Kebudayaan," katanya.

Nazri adalah graduan Lincoln's Inn di United Kingdom pernah mengetuai Kementerian Pemba-ngunan Usahawan dari 1999 hing-ga 2004, Menteri di Jabatan Per-dana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen) (2004-2013) serta Menteri Pelancongan dan Kebu-dayaan (2013-2018).

Beliau memulakan perjalanan politiknya pada 1978 ketika be-rusia 24 tahun apabila dilantik sebagai EXCO Pemuda UMNO, di-susuli Naib Ketua Pemuda UM-NO (1993), Ahli Majlis Kerja Ter-tinggi (MKT) selama 28 tahun ber-mula 1990 dan sebelum itu, Ahli Dewan Negara pada 1991 hingga 1995.



Ismail Sabri Yaakob